

- 8 I Azmi merasakan mimpinya malam tadi memberinya *alamat* yang tidak baik.
II Kamu hendaklah memastikan bahawa *alamat* penerima surat itu telah ditulis dengan lengkap pada sampul surat sebelum surat itu dikirim.
III Menurut orang tua-tua, awan gelap biasanya *alamat* turunnya hujan.
IV Apabila matahari condong ke barat sebagai *alamat* hari sudah petang.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan D jika **tiada kesalahan**.

- 9 Teknologi perkomputeran awan membolehkan banyak maklumat-maklumat disimpan di ruang storan tanpa had.
A banyak maklumat disimpan
B maklumat banyak disimpan
C banyak disimpan maklumat
D banyak maklumat-maklumat disimpan
- 10 Semangat cintakan negara harus ditanam dalam sanubari anak-anak sejak mereka masih kecil.
A Semangat cinta pada negara
B Semangat cinta akan negara
C Semangat cinta kepada negara
D Semangat cintakan negara

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 11 I Cikgu Maria mengajarkan mata pelajaran Sejarah kepada murid tingkatan 1.
II Pemakanan seimbang harus dipupuk dalam diri anak-anak sejak kecil lagi.
III Disiplin dapat dibentuk bukan sahaja di rumah malah bermula seawal anak-anak memasuki alam persekolahan.
IV Siswazah harus menguasai pelbagai kemahiran agar dapat meningkat kebolehpasaran diri dalam bidang kerja.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 12 I Mereka membincangkan lain-lain hal dalam mesyuarat itu.
II Karya sastera itu ialah untuk murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Venus.
III Berkat kegigihannya, Suhaila berjaya dalam perniagaan yang diusahakannya.
IV Perancangan masa depan amat penting bagi remaja lepasan SPM.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 13 Amir menyimpan sebahagian daripada pendapatannya sebagai persediaan menghadapi kecemasan. Peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan sikapnya ialah
A sediakan payung sebelum hujan.
B ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
C sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain.
D sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.